

UMNO ke Sabah untuk kebaikan (P) **-Mahathir**

ULP 13 SEP 1991
KOTA KINABALU 12 Sept. — Presiden UMNO Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, kemasukan UMNO ke Sabah bukan bertujuan menakluk negeri ini kerana UMNO tidak sekali-kali tamakkan kuasa.

"Kita datang untuk kebaikan... jangan dengar cerita-cerita orang yang sengaja hak menimbulkan benci terhadap Kerajaan Pusat," kata Dato' Sri Dr. Mahathir sewaktu berucap dalam satu wjrumqaaan dengan rakyat Sabah dan merasmikan perletakan batu peigaran kemenangan pertama UMNO dalam pilihanraya di Sabah di Padang Kota Belud di sini hari ini.

Perdana Menteri menambah, IJMNO tidak tinda mana-mana suku kaum tetapi jika mereka menentang UMNO, tentu kerajaan Barisan Nasional (BN) sukar untuk menolong mereka.

beliau lgu meminta semua bumiputera di Sabah suoaqva menyokong UMNO dan begitu juga kepada orang-orang Cina supaya menyokong parti-parti BN seperti AKAR dan LDP.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, "kita bukan nak rebut kuasa, sebenarnya jika kita mahu, kita boleh berkuasa di Semenanjung sahaja dengan mendirikan Kerajaan UMNO Semenanjung.

Menurut Dr. Mahathir, di Semenanjung terdapat 98 kawasan kerusi Dewan Rakyat yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu.

"Kalau UMNO berjuang untuk orang Melayu Semenanjung sahaja, kita boleh menang 98 kawasan," tegasnya lagi.

Dengan 98 kawasan itu, kata beliau, UMNO sudah mempunyai lebih separuh kerusi di Dewan Rakyat daripada jumlah yang ada sekarang sebanyak 177 kerusi.

UMNO cuma memerlukan 89 kerusi sahaja untuk mendapat separuh tetapi kita mempunyai 98 kawasan dan jika UMNO Semenanjung nak menguasai Malaysia, UMNO boleh meletakkan calon di 98 kawasan itu dan kita berjuang semata-mata untuk orang Melayu Semenanjung dengan cukup bilangan majoriti.

Tetapi katanya, UMNO tidak berbuat demikian sebab IJMNO tidak tamak. "Kita bertanding 84 kerusi sahaja dan 14 kawasan yang majoriti orang Melayu kita rela letakkan calon daripada MIC, MCA dan Gerakan yang bukan orang Melayu dan bukan orang UMNO."

Perdana Menteri seterusnya berkata, Sabah memerlukan kestabilan politik dan sebuah kerajaan yang berminat untuk menolong rakyat.

"Kalau hari ini saya dapat katakan, Sabah ketinggalan di sebabkan kerajaan negerinya tidak dapat tumpu perhatian pada pembangunan untuk rakyat kerana mereka asyik bertelingkah dengan Kerajaan Pusat.